



# MAKLUM BALAS MEDIA

Wartawan	<b>AHMAD MUZAFFARUDIIN</b>
Media	<b>RTM</b>

## PENENTUAN KETULENAN AKSESORI KENDERAAN DI DALAM PREMIS PERNIAGAAN

No.	Soalan	Ulasan JPJ-KA
1.	Boleh terangkan punca sebenar lambakan aksesori kenderaan yang tidak mengikut spesifikasi? (Tiada kawalan?)	<p>Berdasarkan kepada Akta Pengangkutan Jalan 1987, Jabatan ini hanya berperanan dalam melaksanakan pemantauan dan mengawalselia aksesori / komponen yang dilengkapi terhadap sesebuah kenderaan yang digunakan di atas jalan raya sahaja. Sehubungan dengan itu, aspek pemantauan aksesori kenderaan di dalam premis-premis perniagaan adalah di luar bidang kuasa Jabatan ini.</p> <p>Terdapat beberapa punca lambakan aksesori kenderaan yang tidak mengikut spesifikasi iaitu:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Faktor wujudnya permintaan yang tinggi daripada pihak pengguna;</li> <li>2) Faktor harga yang lebih murah daripada harga pengilang (OEM); dan</li> <li>3) Faktor kurangnya kesedaran dan pemahaman dikalangan pihak penjual dan pengguna berkaitan kepentingan standard atau piawaian bagi setiap aksesori kenderaan.</li> </ol>

No.	Soalan	Ulasan JPJ-KA
2.	<p>Apakah status terkini undang-undang mengenai aksesori kereta yang tidak mengikut spesifikasi?</p> <p>(Undang-undang belum diwujudkan / pertembungan kuasa / dll)</p>	<p>Sehingga kini, Jabatan ini telah mengenalpasti beberapa jenis aksesori / komponen kenderaan yang wajar dipantau dan dikawal di dalam premis-premis perniagaan berdasarkan piawaian teknikal domestik dan antarabangsa iaitu Malaysian Standards (MS) dan Peraturan <i>United Nations</i> (UN). Mekanisma pelaksanaan pemantauan di dalam premis-premis perniagaan adalah berdasarkan butiran penandaan (<i>MS Marking</i> atau <i>E-Marking</i>) bagi aksesori / komponen kenderaan seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Topi keledar ( MS 1 atau Peraturan UN R22)</li> <li>2) Tayar pneumatik (MS 1394 atau Peraturan UN R54 dan MS 149 atau Peraturan UN R30)</li> <li>3) Pelapik brek (MS 1164 atau Peraturan UN R90)</li> </ol> <p>Jabatan ini juga berpandangan bahawa terdapat beberapa jenis aksesori / komponen lagi yang wajar dipantau dan dikawal pada masa akan datang iaitu:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Tayar celup (MS 224 atau Peraturan UN R109)</li> <li>2) Pemantul merah (MS 828 atau Peraturan UN R70 atau Peraturan UN R104)</li> <li>3) Kaca keselamatan (MS 595 atau Peraturan UN R43)</li> </ol> <p>Disamping itu juga, pihak Kerajaan sedang dalam proses merangka <i>roadmap</i> bagi mengawalselia spesifikasi teknikal terhadap aksesori / komponen kenderaan dengan lebih komprehensif untuk menjaga kepentingan pengguna khusus daripada aspek spesifikasi keselamatan dengan penglibatan menyeluruh daripada agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan.</p>

No.	Soalan	Ulasan JPJ-KA
3.	<p>Terbaru, JPJ dan KPDNKK akan mengadakan penguatkuasaan bersepadu untuk menangani masalah ini. Mohon penjelasan lanjut.</p>	<p>Jabatan ini mengambil maklum akan kepentingan bagi menjalankan operasi bersepadu bersama-sama dengan agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan untuk memantau aksesori / komponen kenderaan di dalam premis-premis perniagaan. Justeru itu, sebagai langkah persediaan, Jabatan ini akan menyediakan garis panduan, prosedur operasi standard (SOP) dan senarai semak berdasarkan peraturan dan piawaian teknikal yang ditetapkan bagi tujuan keseragaman dan melancarkan aktiviti pemantauan tersebut.</p> <p>Selain itu, Jabatan ini juga bercadang untuk mengadakan mesyuarat pelarasan dan koordinasi bersama agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan bagi memudahkan mekanisma pelaksanaan dan seterusnya memastikan matlamat utama operasi bersepadu tersebut dapat dicapai.</p> <p>Jabatan ini berpandangan bahawa mekanisma pelaksanaan operasi bersepadu tersebut adalah dengan mengemukakan dokumen-dokumen dan butiran-butiran teknikal yang berkaitan bagi memastikan aksesori / komponen kenderaan yang dipasarkan adalah mematuhi peraturan dan piawaian teknikal yang ditetapkan.</p> <p>Disamping itu juga, Jabatan ini amat menggalakkan pengguna-pengguna membeli aksesori / komponen kenderaan yang diiktiraf oleh badan-badan yang bertauliah atau pihak pengilang bagi memastikan kualiti dan keselamatan produk tersebut adalah terjamin.</p>

**Disediakan oleh:**

**Bahagian Kejuruteraan Automotif,  
Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia.**

Unit Komunikasi Media | Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia

Tel: 03-88928103

Laman Web: [www.jpi.gov.my](http://www.jpi.gov.my)